



AK 46 (selepas Di Mohd Izzah) (berbarisan) ahli Akademi berusaha pemering di serah pada Majlis Anugerah Keusahawanan Politeknik Malaysia (PEA) 2017.

ANUGERAH PEA 2017

WARGA POLITEKNIK CEMERLANG DIKTIRAF

Zaini Hish Zulkifly
news@astip.com.my

Kuala Terengganu

Politeknik Seberang Perai dianugerahkan sebagai Juara Anugerah Unit Keusahawanan Terbaik sempena Majlis Anugerah Keusahawanan Politeknik Malaysia (PEA) 2017 di sini, malam kelmarin.

Kemegahan berkenaan menyaksikan institusi pengajian tinggi IPTI itu memenangi hadiah berupa Geran Keusahawanan bernilai RM10,000.

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Prof Daruk (Di Mohd Hasmal Abd Aziz, berkata majlis ialah ketiga ini disertai 35 Politeknik seluruh negara dengan Politeknik Batu Terengganu, Politeknik Kuala Terengganu (PKT) dan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin sebagai tuan rumah.

Karunya, PEA 2017 adalah program awaran Unit Keusahawanan, Alumni dan Pengurusan Dasar, Bahagian Pembangunan Pelajar,

Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) melalui Pusat Keusahawanan Politeknik Malaysia (MPEC).

"PEA diadakan untuk membezakan pengiktirafan dan pengiktirafan kepada kejayaan pelajar, tenaga akademik dan bukan akademik serta Politeknik dalam pengurusan serta pelaksanaan projek keusahawanan di Politeknik.

"Istikan itu sahaja, anugerah ini turut mengiktiraf peranan pelajar, tenaga akademik dan bukan akademik Politeknik yang berjaya memantapkan secara positif ruang dan peluang yang disediakan JPP melalui MPEC dalam agenda pembangunan keusahawanan di politeknik," katanya pada Majlis PEA 2017 di sini, malam semalam.

Majlis penyempurnaan anugerah disampaikan Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Daruk Nik Azi Mat Yunis.

Yunus badi, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Kolej



JOHAN bagi Kategori A di the Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak Geran Keusahawanan RM10,000 bersama Di Mohd Izzah (tengah).

Koordinator, Mohd Nasir Abdul Ghani, Pengarah Bahagian Pembangunan Pelajar JPP merangkap Pengarah MPEC, Wan Zulkifli Wan Zakaria dan Pengarah Politeknik Hulu Terengganu, Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali.

Selain Anugerah Unit Keusahawanan Terbaik, terdapat lima kategori yang diperandingkan iaitu Anugerah Usahawan Harapan, Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik, Anugerah Keusahawanan Sosial Terbaik, Anugerah Keusahawanan Pelajar

Terbaik dan Anugerah Keusahawanan Graduan Terbaik dengan semua pemenang membawa pulang Geran Keusahawanan bernilai RM5,000.

Anugerah Usahawan Harapan dimenangi Muhammad A (q) Abu Samah (Syarikat Awanat Collections) dari PKT dan Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik pula dimenangi Noranlan Mohd Samadiah dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Bagi Anugerah Keusahawanan Sosial Terbaik, kemenangan menjadi milik Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Taulliqullah Islamic Agro Izzarisi), Anugerah Keusahawanan Pelajar Terbaik dimenangi Mohd Jaqaman Hakim Abu Bakar (Syarikat Al Paradisel dari Politeknik METRO Johor Bharu manakala Anugerah Keusahawanan Graduan Terbaik pula dimenangi Mohd Shaawan Huslin (Syarikat Kula Kayu Manis Enterprise) dari Politeknik Sultan Idris Shah.

Majlis sama turut memberi pengiktirafan kepada Politeknik yang berbilang-bilang menyayak Katalina Stawapreuec Megasale yang diadakan pada 10 Oktober tahun lalu ia menganjurkan pertandingan hasil ujian setiap politeknik mengikut kategori lain Kategori A (pelajar melebihi 4,000 orang), Kategori B (pelajar antara 1,000 hingga 3,999 orang) dan Kategori C (pelajar di bawah 1,000 orang).

Bagi Kategori C, Johan menjadi milik Politeknik

Baling, Selangor (Geran Keusahawanan RM15,000), tempat kedua dimenangi Politeknik METRO Johor Bharu (Geran Keusahawanan RM10,000) dan Politeknik Jeli, Kelantan (Geran Keusahawanan RM5,000).

Politeknik Muadzam Shah, Pahang menjadi juara bagi Kategori B sekaligus membawa pulang Geran Keusahawanan bernilai RM20,000 manakala tempat kedua dan ketiga masing-masing menjadi milik Politeknik Negeri Sembilan (Geran Keusahawanan RM10,000) dan Politeknik Mesring (Geran Keusahawanan RM5,000).

Johan bagi Kategori A menjadi milik Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak (Geran Keusahawanan RM20,000) manakala tempat kedua dimenangi Politeknik Kota Bharu, Kelantan (Geran Keusahawanan RM20,000) dan tempat ketiga pula menjadi milik Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sekaligus membawa pulang Geran Keusahawanan bernilai RM10,000.